

BELIA KREATIF

PEMACU PEMBANGUNAN NEGARA

“Kita perlu menerima perubahan persekitaran dan bergantung kepada tiga elemen iaitu “engagement” atau mendengar pandangan belia, “participative” (memberi peluang penyertaan) dan “empowerment” iaitu memberi tanggungjawab, kuasa dan peluang kepimpinan berdasarkan kemampuan mereka.”

Begitulah inti pati ucapan yang telah disampaikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia semasa memberi ucapan perasmian sempena Hari Belia Negara 2010 pada 15 Mei 2010. Inti pati ucapan yang diberikan ini adalah menjurus kepada program belia yang akan dilaksanakan, yang mana perlu memenuhi tiga aspek utama iaitu **“kehendak”**, **“penyertaan”** dan **“pemerkasaan”** yang mana merangkumi pembabitan menyeluruh dari golongan belia. Tiga elemen dan aspek utama yang diuar-uarkan oleh YAB Perdana Menteri itu adalah bertepatan masanya dalam usaha kerajaan melaksanakan program di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) khususnya untuk golongan belia.

Oleh itu, kerajaan sedang berusaha untuk melengkapkan belia dengan kualiti dan kemahiran yang perlu untuk memastikan belia mempunyai masa hadapan yang lebih baik serta bersedia menghadapi pembangunan ekonomi yang pesat. Ini dibuktikan dalam Bab 14 di bawah RMK-9 iaitu **“Mengupayakan Belia Untuk Masa Hadapan”**, dimana pelaksanaan program pembangunan belia adalah berteraskan kepada lima strategik utama iaitu:

- Mengupayakan belia untuk masa hadapan melalui peningkatan akses kepada pendidikan dan latihan;
- Meningkatkan penyertaan belia dalam organisasi belia;
- Memupuk semangat persaingan di kalangan belia;
- Memperkuuhkan rangka kerja perundungan program pembangunan belia; dan
- Menggalakkan perpaduan negara dan integrasi sosial.

Justeru itu, bagi memastikan tiga aspek utama iaitu kehendak, penyertaan dan pemerkasaan program belia tercapai, maka adalah perlu belia diberi peluang untuk mendapatkan pendidikan dan latihan dipertingkatkan. Di samping itu, program berorientasikan latihan seperti kepimpinan, kemahiran, kesukarelaan dan keusahawanan juga perlu dilaksanakan dengan lebih meluas untuk memastikan belia memainkan peranan dalam pembangunan negara. Belia juga harus digalakkan untuk terus mempertingkatkan tahap pengetahuan serta membina pemikiran dan sikap positif yang bertujuan untuk memastikan bahawa belia Malaysia berbakat, kreatif, inovatif serta cemerlang dalam bidang yang diceburi.

bersambung

Jangan tanya apa yang dibuat oleh negara untukmu, tapi tanyalah apa yang boleh kamu buat untuk negara. ~Abraham Lincoln

Oleh yang demikian, Kementerian Belia dan Sukan bertanggungjawab untuk merealisasikan amanat YAB Perdana Menteri tersebut. Ini jelas menunjukkan bahawa pihak kerajaan amat prihatin dan mengambil berat tentang pelaksanaan dan pembabitan golongan belia dalam pembangunan negara yang mana selari dengan tema Hari Belia Negara 2010 iaitu “*Belia Kreatif Pemacu Pembangunan Negara*”.



From Traditional Youth Services to Positive Youth Development

Traditional Youth Services	Positive Youth Development
Focus on problems	Focus on positive outcomes
Reactive	Pro-active
Targeted youth	All youth
Youth as recipients	Youth as active participants
Programs	Community response
Professional providers	Community members

source : www.positivehumandevlopment.com

The research identified 10 attributes which were more often possessed by the successful managers, to which we added another. These *11 Qualities of the Effective Manager* form the basis for self-development programme:

1. common of basic facts
2. relevant professional knowledge
3. continuing sensitivity to events
4. analytical, problem-solving and decision / judgement – making skills
5. social skills and ability
6. emotional resilience
7. proactivity – inclination to respond purposefully to events
8. creativity
9. mental agility
10. balance learning habits and skills
11. self knowledge

source : Mike Pedler et. al., 2007, *A Manager's Guide to Self Development*, McGraw-Hill.

Fungsi Kepimpinan

1. Membuat wawasan yang cemerlang serta mempunyai matlamat yang jelas dan khusus.
2. Merangsang perubahan dengan membentuk suasana kondusif.
3. Membimbing anak buah agar mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat.
4. Menggalakkan inisiatif di kalangan yang pimpin.
5. Memimpin secara teladan.
6. Menggalakkan kecemerlangan melalui cabaran.
7. Menjadi penghubung.
8. Mengawal prestasi dengan membentuk kriteria yang cemerlang dan jelas.
9. Membela anak buah.
10. Menyelesaikan masalah dan mengurus konflik.
11. Mengagihkan tugas dengan adil.

“Lombong emas dalam diri kamu adalah fikiran kamu. Kamu dapat menggalinya sedalam-dalamnya dan sepuas-puas yang kamu inginkan.”

~ Abdullah Mansur M.H

Unsur–unsur Kepimpinan dan Kepengikutkan

1. Harus berani mengatakan tidak boleh.
2. Memberhentikan kegiatan yang sia-sia.
3. Mementingkan orang lain.
4. Bentuk kerutinan dalam tugas.
5. Pandai mengurus masa.
6. Mementingkan hubungan kemanusiaan.
7. Pemilihan kakitangan yang sesuai dengan kebolehan.
8. Membentuk peribadi dan kemahiran pekerja.
9. Tidak banyak rungutan.
10. Menghebahkan yang baik.
11. Kaji dan nilai prestasi.
12. Jaga rahsia.
13. Pandai membelai.
14. Galakan penglibatan yang bermakna.
15. Galakan kecemerlangan.
16. Menjadi penghargaan orang yang dipimpin.
17. Mengambil iktibar daripada setiap pengalaman.
18. Mengagihkan dan mendelegasi tugas dengan saksama.
19. Sentiasa memberi penghargaan.

source : Chek Mat, 2004, *Kursus Kejurulatihan Belia*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Cetusan Ketua Pengarang

Kumpulan Pemimpin Pelajar adalah salah satu kelompok pemimpin yang sering tercibir dalam senarai mendapatkan maklumbalas atau pandangan terhadap sesuatu isu nasional. Hakikatnya sumbangsan kumpulan pemimpin pelajar, sama ada di sekolah, kolej atau di institusi pengajian tinggi sangat bermakna dalam mencorakkan tingkah laku rakan sebaya di sekeliling mereka yang akhirnya membentuk pola kepimpinan di sesuatu tempat.

Di universiti, pemimpin mahasiswa menjadi wadah dalam mewakili suara warga mahasiswa. Pada umumnya, Pemimpin Mahasiswa sama ada perwakilan kampus atau fakulti dipilih oleh warga kampus atau fakulti dalam satu pilihanraya kampus. Proses pemilihan ini diiktiraf oleh semua pihak sehingga terbentuknya barisan Majlis Perwakilan Pelajar di sesebuah universiti. Selain dari Majlis Perwakilan Pelajar, berbagai-bagi lagi persatuan terdapat di sesebuah kampus. Persatuan-persatuan yang berorientasi aliran kursus, keturunan, budaya, negeri dan sebagainya telah ditubuhkan

dan mendapat pengiktirafan pihak universiti. Setiap persatuan ini dipimpin oleh pemimpin pelajar atau mahasiswa yang dipilih secara demokrasi. Pada hakikatnya, universiti telah menjadi tapak semai kepada kepimpinan dalam melahirkan pemimpin. Oleh yang demikian, usaha-usaha yang berterusan hendaklah dilaksanakan bagi menjamin semangat berpersatuan dan bakat kepimpinan yang ada dalam kalangan mahasiswa yang telah sedia menjawat jawatan di kampus dapat terus bercambah selepas mereka menamatkan pengajian. Pandangan mereka mesti diambil kira kerana mereka mewakili warga belia di kampus. Pendekatan berteraskan *“Engagement, Participation and Empowerment”* yang disarankan oleh YAB Perdana Menteri semasa melancarkan Hari Belia Negara 2010 amat sesuai dimulakan untuk mendekati pemimpin pelajar dan mahasiswa.

Haji Zakariah Md. Sam
Ketua Pegawai Operasi
IPPB

Sidang Redaksi

Penaung

YB. Dato' Ahmad Shabery Bin Cheek
Menteri Belia dan Sukan Malaysia

Penasihat

Ketua Pegawai Eksekutif

Ketua Pengarang

Hj. Zakariah Md. Sam

Ketua Editor

Nadya Shaffinaz Bajuri

Sidang Redaksi

Suraya Sulaiman
Zul Fadhl Abd Aziz
Mastura Mohamad
Shariffah Mamat
Shahhanim Yahya
Nor Hamidah Hamzah
Nuurul Mizaan Ya'cob

Publisiti

Raja Shahida Raja Hassan
Ariffin Abdul Rahman

Sila hantarkan sebarang komen
dan pertanyaan anda kepada

info@ippbm.gov.my

TERAS DASAR PEMBANGUNAN MODAL INSAN

- Melaksanakan penambahbaikan terhadap sistem penyampaian pendidikan dan latihan supaya ianya berkualiti dan relevan dengan keperluan semasa;
- Memperkasakan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama rakyat Malaysia yang berbilang kaum bagi meningkatkan perpaduan negara;
- Melaksana langkah bagi merapatkan jurang prestasi antara sekolah luar bandar dan bandar, termasuk mempertingkatkan kualiti pengajaran, prasarana dan kemudahan serta menempatkan guru berpengalaman di sekolah luar bandar;
- Membangunkan universiti bertaraf antarabangsa dan memastikan pendidikan dan latihan di peringkat tertiari memenuhi keperluan pasaran;
- Menyediakan lebih banyak peluang dan akses kepada pendidikan latihan dan pembelajaran sepanjang hayat yang berkualiti di semua peringkat;

- Membangunkan masyarakat inovatif dan kreatif, yang mempunyai pengetahuan dan keupayaan sains dan teknologi yang kukuh serta memiliki kemampuan memperoleh dan menggunakan pengetahuan;**

- Memperkuatkkan perpaduan nasional dan membangunkan masyarakat yang mempunyai perspektif progresif, budaya prestasi tinggi, sistem nilai-nilai murni serta menghargai tradisi dan warisan; dan
- Memperluaskan dan memperkemaskan forum perbincangan dan perundingan antara kerajaan, sektor swasta, ibu bapa dan masyarakat dalam pembangunan modal insan.

Sumber : <http://www.jpm.gov.my/>

MAHASISWA SEBAGAI GENERASI PELAPIS KEPIMPINAN NEGARA

Kepimpinan yang pada asalnya diambil daripada perkataan pimpin, diistilah dalam Kamus Dewan sebagai mengepalai atau mengetuai serta mengendalikan (badan, pertubuhan, pergerakan, negara dan lain-lain) dan kepimpinan itu adalah merujuk kepada keupayaan memimpin.

Justeru itu, kepimpinan merupakan satu tugas besar yang akan menerajui segala yang berada di bawah kepimpinannya dan mengurus selok-belok yang berkaitan dengannya. Melihatkan kepada kepentingannya, kepimpinan adalah bersifat instrumen atau alat yang akan mengukuhkan lagi aspek-aspek kepentingan hidup manusia itu sendiri.

Manakala Kepimpinan Mahasiswa diertikan sebagai kepimpinan yang diasaskan oleh rasa tanggungjawab untuk kemaslahatan umum. Ia juga dikatakan sebagai medan latihan sebelum terjun ke dunia sebenar.

Pada masa kini, golongan belia (mahasiswa) merupakan kelompok yang terbesar dalam populasi masyarakat di Malaysia. Ini merupakan petunjuk yang baik bagi negara kerana memberi gambaran negara mempunyai banyak tenaga, idea serta penggerak muda yang meneruskan agenda pembangunan negara. Menurut unjuran Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2010 ini, jumlah belia berumur 15 hingga 39 tahun adalah seramai 11,614,735 orang, dan 44.76% daripadanya berada dalam lingkungan umur 15 hingga 24 tahun.

Dalam perkembangan dunia kini, ilmu pengetahuan menjadi modal dan landasan utama kehidupan. Justeru itu, mahasiswa tidak boleh terpengaruh dengan gejala yang boleh menyekat kemaraan bagi meneruskan pencarian ilmu. Malah ilmu tidak akan bermakna jika ia tidak disertakan dengan pemahaman yang mendalam. Ini kerana kepimpinan berbudaya ilmu sahaja yang mempunyai kemampuan untuk melancarkan perubahan. Perubahan yang tidak diurus dengan baik akan menyebabkan keceluaran pada organisasi dan tradisi kepimpinan mahasiswa itu sendiri.

Mengulas perkara ini, Craig R. Hickman dan Michael A. Silva dalam tulisan mereka "Creating Excellence", menyatakan, *If we had choose one essential characteristic of what we call the new age, that character would be change....Only those leader who learn to anticipate and even to invent the future will profit from, rather than surprised by change.*

Ia amat penting dalam kita menjalankan tanggungjawab kepimpinan. Kepimpinan mahasiswa seolah memaksa diri untuk membahagikan kepentingan diri dan orang lain. Pengorbanan masa, tenaga dan wang ringgit perlu dilunaskan mengikut keperluan untuk memastikan amanah kepimpinan dapat dilaksanakan dengan baik.

“Mahasiswa merupakan nadi ummah dalam membawa masyarakat ke arah yang baik dan positif.”

Pengaruh sekeliling yang sering berubah dan pelbagai gaya dari semasa ke semasa, haruslah ditangani dengan baik dan berhati-hati bagi memastikan konsep, polisi dan dasar sedia ada dapat ditangani dengan baik dalam corak kepimpinan mahasiswa.

Pemimpin mahasiswa harus turun ke lapangan masyarakat untuk mendepani isu ummah dan menjadi jurubicara ummah. Justeru itu, mahasiswa perlu mempunyai arus pemikiran yang bebas dan tidak terikat dengan penjajahan mana-mana pihak bagi menjamin ketelusan kepimpinan mahasiswa. Kita seharus akur bahawa golongan mahasiswa ini adalah lahir



dari kalangan masyarakat, di mana masyarakat sekadar meminjamkan mereka untuk satu tempoh yang pada kebiasaannya selama 3 – 5 tahun. Pada akhirnya golongan mahasiswa ini akan kembali ke dalam masyarakat untuk memberi sumbang bakti.

Oleh yang demikian, kita memerlukan mahasiswa yang serius dalam memikirkan persoalan semasa yang menyentuh ummah bagi melahirkan mahasiswa yang berjiwa besar. Tidak keterlaluan dikatakan mahasiswa merupakan nadi ummah dalam membawa masyarakat ke arah yang baik dan positif. Ini bermakna mahasiswa perlu bersedia dari sudut mental, rohani, fizikal dan sebarang kelengkapan untuk menangkis segala perkara yang boleh menyebabkan kita kecundang dengan persaingan di abad ke 21 ini.

Dalam melahirkan waris kepimpinan yang baik, kita harus bersama dalam mencorakkan gaya kepimpinan yang akan mentadbir negara ini pada masa akan datang. Dalam hal ini, golongan mahasiswa seharusnya mengekalkan kepercayaan yang diberikan oleh masyarakat apatah lagi ciri-ciri kepimpinan setelah tamat menjadi mahasiswa. Ini kerana mereka merupakan pewaris dan peneraju kepimpinan mampan dan penyala obor ummah.

KONVENSYEN HARI BELIA KEBANGSAAN 2010



Sempena Hari Belia Kebangsaan 2010, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBPM) telah menganjurkan sebuah konvensyen pada 15 Mei 2010 bertempat di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya. Program yang telah dirasmikan oleh YB. Datuk Seri Hj. Noh bin Omar, Menteri Pertanian dan Asas Tani, telah berjaya mengumpulkan seramai 149 peserta yang terdiri daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dari 17 buah IPTA terpilih.

Usaha IPPBM menganjurkan konvensyen tersebut bertujuan untuk memaklumkan berkenaan pelaksanaan Akta 668 kepada para pemimpin pelajar dan persatuan pelajar IPT. Di samping itu, mahasiswa yang terlibat juga diberi pendedahan awal perihal penubuhan persatuan belia yang dikelolakan oleh En. Sa'adon bin Suraji, Pendaftar dari Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Belia. Beliau juga

telah memberi pelbagai maklumat berkenaan peraturan dan prosedur penubuhan Persatuan.

Mahasiswa juga berpeluang untuk menyuarakan setiap isu pembangunan belia yang terdapat di Malaysia serta mendapatkan pandangan ke arah penyelesaian daripada Tn. Hj. Abd. Karim bin Mohamad, Naib Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM). Diantara isu-isu belia Malaysia yang semakin berleluasa seperti kes pembuangan bayi di kalangan belia, isu gejala sosial dan sebagainya.

Pihak IPPBM berharap dengan pendedahan yang diberikan menerusi konvensyen tersebut dapat memberi satu semangat kepimpinan yang baru kepada MPP supaya dapat memantapkan lagi kepimpinan negara pada masa akan datang. Di samping itu, ia dapat menangkis kerapuhan kepimpinan di kalangan belia sepertimana yang telah dicanangkan dalam mana-mana persidangan.



Sudahkah anda memberikan
maklumat kepada e-Belia ?

Sila layari
<http://interaktif.kbs.gov.my/e-belia/>

Ulasan Buku Pilihan



Tajuk : Belia dan Pembangunan Modal Insan
Penulis : Haslinda Abdullah et. al.
Penerbit : Universiti Putra Malaysia
Tahun : 2009



Tajuk : Mengemudi Bahlera Perubahan Minda
Penulis : Mohd Asri Zainul Abidin
Penerbit : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
Tahun : 2008

Belia dan Pembangunan Modal Insan merupakan perspektif yang sangat perlu diberikan perhatian oleh semua pihak di dalam memastikan pembangunan dan kesejahteraan negara. Modal insan yang berkualiti dalam kalangan belia akan memberikan nilai tambah yang diperlukan oleh negara terutamanya dalam menghadapi persaingan ekonomi global. Kejayaan negara pada masa hadapan sangat bergantung kepada kualiti modal insan yang dimiliki oleh generasi belia hari ini. Justeru itu, buku ini secara umumnya memaparkan secara ringkas pelbagai senario pembangunan modal insan yang berkait rapat dengan generasi belia dari pelbagai sudut supaya ia dapat dijadikan rujukan oleh semua pihak di dalam mendepani isu dan cabaran semasa.

Buku ini merupakan sebahagian daripada himpunan tulisan Dr. Mohd Asri Zainul Abidin yang terdiri daripada 47 bab yang berkisar kepada topik dan isu mengenai pegangan masyarakat, pembangunan minda dan ekonomi, hiburan dan seni, politik dan pentadbiran dan lain-lain. Rencana yang dimuatkan cenderung ke arah mengubat kelemahan cara fikir, kejumidan, keterbabasan sikap dan mentaliti serta penyelewengan dalam pelbagai aspek kehidupan. Selaras dengan itu, kita boleh menjadikan buku ini sebagai rujukan dan panduan untuk diteladani manusia yang ingin berjaya sebagai pemimpin kepada diri sendiri dan masyarakat.


e-Book : INDEKS BELIA MALAYSIA 2008 (IBM'08)



Rajah 1: Pautan muat turun e-book boleh dicapai pada ruangan banner portal IPPBM

Panduan Muat Turun eBook IBM

Indeks Belia Malaysia (IBM '08) 2008 amat sinonim dengan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBPM). Menyedari kepentingan penyebaran maklumat IBM kepada umum, IPPBM mengambil satu pendekatan baru dengan menukar format buku kepada konsep buku digital atau lebih dikenali sebagai e-book. E-book IBM '08 ini telah dimuatkan ke dalam portal IPPBM iaitu www.ippbm.gov.my



Rajah 2: Main page

bagi memudahkan semua pihak memuat turun secara terus daripada portal. Pautan untuk memuat turun boleh dicapai daripada ruangan sebelah kiri banner pada laman utama portal.


Fail e-book ini adalah dalam berbentuk .exe dan dimuatkan dalam format WinRAR untuk dimuat turun. E-book ini juga

boleh didapat dari laman web Yellow Pages Malaysia iaitu pada ruangan e-catalog kerajaan yang boleh dicapai pada url <http://www.yellowpages.com.my/ecatalog/government.jsp>. Buku digital ini mempunyai dua versi iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris serta lebih interaktif dan mudah untuk digunakan.

Penerangan ciri-ciri interaktif eBook IBM



Rajah 3: Helaian diselak



Rajah 4: Klik tajuk pada isi kandungan IBM , contoh : Klik pada tajuk Kaedah Pembentukan Skor Indeks, paparan ruangan yang dipilih akan dipaparkan



Rajah 5: Control – Go to Page : untuk mendapatkan mukasurat yang dikehendaki



Tajuk : Learning to Dream with Your Eyes Open : A Survival Guide for Inner City Youth
Penulis : Melanie D. Geddes
Penerbit : Learning Series Press
Tahun : 2005

Melanie D. Geddes wrote this book by her own experience: the same place, the same environment and the most same feelings that might be encountered by Inner City youth. Writing by heart and knowing every part of it, she makes a good role model as she can be considered a successful woman now. She highly recommends the teenagers to have a good trust in them in whatever they want to do and inspires them to create their own dream, whether or not it is achievable and to be dreaming in wide opened eyes. A good dreamer is a dreamer that has a good faith in himself, be responsible for taking self conscious actions and also to

discard the negativity in oneself such as self-doubt and make the dream reality.

To take charge of one's own life, one should have intrinsic motivation that will lead her to more authentic result. She knows that it is not going to be easy for the youth especially those live in intolerance environment to take charge of their own lives; however, she always mentioned that it is alright to make mistakes as long as we are always prepared to change the lane, from bad to good one. Everyone has power in determining her own destiny. Just do not hesitate to channel the power to the correct decision making process. Just learn to accept societal limitation and self-disabilities and start to dream with an open eye, eventually it will, step by step take us to our desired goals in life.

Buku-buku tersebut boleh diperolehi di Pusat Sumber IPPBM.